

UCAPAN PERDANA MENTERI DI PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH TANAH DAN GALIAN DI BILIK JAWATANKUASA SATU, BANGUNAN PARLIMEN, KUALA LUMPUR PADA 9HB JUN, 1971

Y.B. Menteri Pertanian dan Tanah<sup>1</sup>, Dato' Abdul Manaf<sup>2</sup>, Tuan-tuan sekalian.

Saya amat sukacita kerana dapat bertemu dengan tuan-tuan pagi ini untuk bertukar-tukar fikiran secara terus terang dan terbuka mengenai masalah-masalah yang bersangkutan dengan pentadbiran tanah.

Perjumpaan ini amat bermakna mengingat bahawa dalam satu dua bulan ini kita akan mula bergerak melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua. Oleh itu tujuan besar Persidangan ini ialah, pertama, menentukan ataupun identify masalah yang berkaitan menurut pengalaman tuan-tuan di negeri masing-masing dan seterusnya mencari jalan bagi mengatasi masalah-masalah itu.

Seperti yang tuan-tuan sedia maklum, Rancangan Malaysia Kedua yang menitikberatkan Dasar Ekonomi Baru Negara, antara lain-lain, meletakkan perhatian penting kepada rancangan pembukaan tanah secara besar-besaran. Dalam tempoh lima tahun dianggarkan seluas satu juta ekar tanah baru akan dibuka. Ini bermakna pada tiap-tiap tahun rancangan kita akan membuka 200,000 ekar untuk berbagai projek yang difikirkan boleh menampung pekerja-pekerja serta new settlers dalam usaha kita hendak mengatasi masalah pengangguran dewasa ini. Bagaimanapun, kita tahu pengaliran tenaga kerja atau manpower baru ke lapangan perusahaan pertanian dan perindustrian hanya akan dapat menahan pengangguran pada kadar 7%.

Dengan sebab itu, saya yakin tuan-tuan semua sedar betapa pentingnya kita menjayakan Rancangan Lima Tahun Kedua ini sepenuhnya. Sekiranya kita tidak dapat membukakan peluang pekerjaan yang lebih luas dan lebih banyak, terutama bagi kaum

---

<sup>1</sup> Y. B. Tan Sri Haji Mohamad Ghazali bin Haji Jawi.

<sup>2</sup> Jurutera Parit dan Taliair Perlis.

belia, mungkin kita akan menghadapi masalah keselamatan yang rumit dan membahayakan negara.

Tuan-tuan sekalian.

Peranan tuan-tuan dalam menjalankan pentadbiran tanah untuk mencapai matlamat-matlamat Kerajaan di bawah Rancangan Lima Tahun adalah sangat-sangat penting kerana kemajuan-kemajuan dalam bidang perusahaan pertanian, perhutanan ataupun galian kesemuanya berasaskan tanah. Dengan sebab itu, sangatlah mustahak pegawai-pegawai Pentadbir Tanah menumpukan perhatian dan tenaga sepenuhnya pada pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan setakat yang berkait dengan mereka dan menggerakkan jentera-jentera pentadbiran tanah pada taraf kecekapan yang lebih sempurna. Tanpa jentera pentadbiran yang lebih lancar serta dinamik, saya bimbang kita tidak dapat menghadapi cabaran-cabaran masa depan dengan sepenuhnya.

Tidaklah perlu saya tegaskan, pentadbiran tanah adalah sangat rapat sekali dengan kehidupan rakyat. Di kalangan orang-orang Melayu dan Bumiputera khususnya, tidak kurang 80% daripada mereka bergantung mata pencariannya pada tanah—tinggal di kampung-kampung menjalankan cara pertanian yang hanya untuk cukup hidup atau subsistence economy. Matlamat Dasar Ekonomi Baru negara ialah hendak membawa sebahagian dari mereka ini kira-kira 30%—masuk ke lapangan perdagangan dan perindustrian dalam tempoh dua puluh tahun akan datang ini.

Kalau pun matlamat ini tercapai sepenuhnya, masih terdapat sebahagian besar orang-orang kita yang meneruskan kegiatan mereka bergantung hidup semata-mata kepada usaha pertanian, atau tegasnya pada tanah. Mereka ini merupakan golongan terbesar dalam masyarakat kita dan oleh itu adalah menjadi kewajipan kita memperbaiki serta meninggikan taraf hidup mereka supaya benar-benar dapat mencerminkan masyarakat negara yang merdeka, maju dan modern.

Tuan-tuan sekalian.

Semenjak beberapa tahun ini, Kerajaan sentiasa memerhatikan perjalanan pentadbiran tanah serta mencari jalan untuk membaikinya sesuai dengan keperluan-keperluan rakyat dan negara. Berdasar pada pengalaman-pengalaman lepas, maka difikirkan lebih efektif dan berguna mencantumkan portfolio-portfolio yang

berkaitan dengan tanah—pertanian, tanah dan galian di bawah satu Kementerian supaya dapat diselaraskan semua kegiatan-kegiatan ekonomi yang bersangkutan dengan tanah dan hasil bumi. Dengan ini pentadbiran antara satu jabatan dengan yang lain seperti Pertanian dan Hutan ataupun Hutan dan Galian dapat disesuaikan bagi mencapai penyelarasan usaha atau co-ordinated effort supaya dasar Kerajaan dapat dijayakan sepenuhnya untuk faedah rakyat dan negara.

Kita semua maklum segala langkah dan usaha pembangunan mestilah dijalankan dengan teratur dan sempurna. Dalam apa jua lapangan kita berharap akan mendapatkan sepenuh-penuh faedah dan keuntungan baik untuk jangka pendek mahupun jangka panjang kepentingan negara.

Umpamanya dalam perusahaan kehutanan, mustahaklah dikaji segala aspek yang berkenaan seperti membanyakkan perusahaan memproses kayu daripada mengekspot kayu balak bulat-bulat saja. Dengan demikian, kita akan dapat menambah banyakkkan peluang-peluang pekerjaan dalam negeri untuk menampung tenaga belia yang memerlukan pekerjaan.

Begitu juga seperti saya katakan tadi, kita akan membuka kawasan-kawasan tanah yang luas bagi perusahaan pertanian. Di samping pengolahan atau exploitation kawasan-kawasan hutan hendaklah juga merancangkan usaha-usaha pemeliharaan atau conservation kerana jika tidak sudah tentu akan menimbulkan akibat-akibat yang tidak diingini dari segi ecology dan juga pertanian. Pendek kata, ko-ordinasi amatlah mustahak supaya kepentingan-kepentangan tertentu sentiasa terkawal dan dijaga.

Tuan-tuan sekalian.

Mengenai keperluan-keperluan jangka panjang masa depan, satu penyiasatan yang lanjut berkaitan dengan kesesuaian tanah telahpun dijalankan oleh Bahagian Perancang Ekonomi, Jabatan saya. Peta-peta menunjukkan kesesuaian tanah bagi kegunaan tertentu iaitu "Land Capability Classification Maps" telahpun disediakan. Dengan demikian, pembukaan tanah serta kegunaannya di masa hadapan hendaklah berpandukan kepada peta-peta ini supaya hanya kawasan-kawasan yang sesuai untuk pertanian saja dibuka bagi maksud itu dan kawasan-kawasan tanah yang lain dikekalkan sebagai Hutan Simpan samada kerana nature conservation ataupun untuk perusahaan perkayuan.

Tuan-tuan sekalian.

Seperti yang seringkali saya katakan tahun-tahun 70-an merupakan crucial period bagi negara kita. Masalah-masalah di hadapan kita dalam beberapa tahun ini adalah rumit dan berbeza dari keadaan di masa-masa lepas. Kehendak-kehendak rakyat yang sebahagian besarnya terdiri dari belia amat mendesak dan memerlukan strategi-strategi yang imaginative dan positif supaya cabaran-cabaran itu dapat diatasi dengan berjaya dan memuaskan.

Saya percaya dalam persidangan tiga hari ini tuan-tuan akan membincangkan masalah-masalah dan kesulitan-kesulitan yang ada di depan kita serta mencari jalan yang sebaik-baiknya untuk menghuraikan dan mengatasinya. Saya tidak ragu-ragu lagi mengatakan kejayaan Rancangan Malaysia Kedua akan menentukan untung nasib negara—bukan hanya soal survival saya ataupun parti Perikatan. Kesanggupan kita memenuhi hasrat rakyat, menunaikan janji Kerajaan, akan membuktikan rasa tanggungjawab tuan-tuan kepada bangsa dan negara. Oleh itu, saya dengan tegas meminta semua kakitangan Kerajaan—dari peringkat paling atas hingga ke peringkat yang di bawah sekali—supaya menjalankan tugas dan kewajipan mereka dengan penuh ikhlas dan semangat berbakti yang tulin. Hasil dari sumbangan bakti kita hari ini akan menjamin negara dan jenerasi-jenerasi akan datang tempat yang kukuh dan stabil, kemakmuran dan kebahagiaan yang diidam-idamkan itu.

Tuan-tuan sekalian.

Sekianlah pesanan dan harapan saya. Dengan sukacitanya saya merasmikan Persidangan ini dan diharapkan berjaya.